

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

BULETIN

# JAWHAR

PRAGMATIK, RESPONSIF, OBJEKTIF



ISSN 1985-2029 BIL 2/2017



**KOMUNAL 1.0:**  
“Wadah Diberdayakan,  
Muamalah Dibudayakan dan  
Ekonomi Ummah Dibudi-Dayakan”

PEMBENTANGAN 3

Jihad Ekonomi : Perkongsian daripada Asnaf  
(JAWHAR)




**Kunjungan Hormat  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
ke JAWHAR**

**BENGKEL PENYEDIAAN PEMBANGUNAN  
PELAN STRATEGIK JAWHAR  
2017-2020**



**KUNJUNGAN HORMAT MUFTI  
KERAJAAN RUSIA**

DAN PENASIHAT KEPADA PERDANA MENTERI  
KERAJAAN TATARSTAN KE JAWHAR



## PERUTUSAN

Perutusan Ketua Pengarah JAWHAR

### BERITA

Kunjungan Hormat Mufti Kerajaan Rusia Dan Penasihat Kepada Perdana Menteri Kerajaan Tatarstan Ke JAWHAR

Kunjungan Hormat Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia Ke JAWHAR

Bengkel Penyediaan Pembangunan Pelan Strategik JAWHAR 2017 – 2020

Bengkel Semakan Semula Manual Pengurusan Harta Syubhah

Bengkel Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015

KOMUNAL 1.0: Wadah Diberdayakan, Muamalah Dibudayakan Dan Ekonomi Ummah Dibudi-Dayakan

### ARTIKEL

Memberdayakan Wadah, Membudayakan Muamalah, Membudi Dayakan Ekonomi Ummah

### GALERI

Mesyuarat Agong Puspanita JAWHAR Kali Pertama Pada Bulan April, 2017

Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran Perdana Puspanita JAWHAR JPM & Kebangsaan'2017

Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam (PNI) Sepanjang Bulan Ramadhan 1438H

3	Iftar Bersama Anak-Anak Asnaf Daerah Sepang, Selangor Pada 21 Jun 2017	13
4	Kursus Pemantapan Pengendali Umrah (USEC) Di Kampus Institut Profesional Baitumal (Cawangan Putrajaya) Pada 20 Dan 21 Mei 2017 (Sabtu & Ahad)	14
5	Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran JAWHAR Sempena Bulan Ramadhan 1438H	14
6	Kunjungan Hormat Dato Dr Anwar Algha Duta Palestin Ke JAWHAR Pada 16 Jun 2017	15
7	Kunjungan Hormat Delegasi Universiti Utara Malaysia (UUM) Pada 16 Jun 2017	15
8	Hari Bersama Ketua Pengarah JAWHAR 2017	16-18
9-10	<b>PERMATA JAWHAR</b>	19
	<b>INFO PENTING JAWHAR</b>	
	Yang Patah Tumbuh Yang Hilang Berganti	20-22
11	Kadar Zakat Fitrah Mengikut Negeri Bagi Tahun 2017M/1438H	23
12	Audit Pemantauan SIRIM	24
12		
13		

# Perutusan Ketua Pengarah

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpahan Rahmat dan kurniaNYA, buletin JAWHAR Bil.2 tahun 2017 dapat diterbitkan. Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta para sahabat baginda. Semoga perjalanan kita sepanjang tahun 2017 ini membawa seribu rahmat dan berkat kepada seluruh ummah umumnya dan kepada warga JAWHAR khususnya.

Tahniah dan ribuan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada seluruh warga JAWHAR yang tidak mengenal erti jemu berusaha untuk menyiapkan buletin ini. Semoga sumbangan idea bernalas, kreatif dan kritis ini dapat diteruskan lagi bagi membantu JAWHAR dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada 'stakeholders' dan juga masyarakat.

Bermula dari awal tahun sehingga ke pertengahannya, JAWHAR telah berjaya melaksanakan beberapa program berskala besar dengan jalinan usahasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) seperti Konvensyen Muamalat Kebangsaan 2017 KOMUNAL 1.0, Muzakarah Zakat Kebangsaan 2017, JAWHAR Intellectual Discourse (JID) merentasi Zon, Seminar Filantropi Islam dan derma-bakti Islam dalam Konsep WAKAF, Seminar Fiqh Wassatiyah & Pengurusan Harta Islam dan sebagainya merupakan usaha gigih JAWHAR ke arah merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mentransformasi Perkhidmatan awam kearah pemikiran Kreatif dan sistematik sejajar dengan hasrat YAB Perdana Menteri Malaysia.

Pelan Strategik JAWHAR 2017-2020 menjadi bukti kepada agenda JAWHAR untuk mengorak langkah dan bergerak dalam menuju wawasan 2020. Kesiapsiagaan seluruh warga JAWHAR dalam mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan lebih menguatkan minda dan usaha untuk meneruskan perjuangan JAWHAR yang masih belum selesai. Sebagai tunggak kepada kejayaan JAWHAR, saya sering mengingatkan warga kami supaya sentiasa ikhlas dan beristiqamah dalam menjalankan tanggunjawab kerana dengan niat yang betul dan usaha yang berterusan, JAWHAR sudah pasti akan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.


Akhir kalam, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah sekali lagi kepada seluruh warga JAWHAR yang telah menabur bakti, menyumbang idea dan tenaga dalam mempertahankan JAWHAR sebagai sebuah Jabatan Agama yang mampu bersaing dan berganding bahu dalam usaha memantap dan memartabatkan lagi penggunaan hartaanah wakaf serta tadbir urus dalam bidang teras JAWHAR. Bersabarlah dengan ujian, teguhkanlah pendirian, kerana yang batil itu akan musnah, jalan kebenaran pasti muncul dan terbentang jua akhirnya.

Sekian, terima kasih.

والسلام




YBRS. ENCIK AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN  
Ketua Pengarah  
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)



## KUNJUNGAN HORMAT MUFTI KERAJAAN RUSIA DAN PENASIHAT KEPADA PERDANA MENTERI KERAJAAN TATARSTAN KE JAWHAR

Mufti Rusia, H.E. Haddzrat Mufti Albir R. Karganov sedang menandatangani buku Pelawat JAWHAR



**Putrajaya, 3 April 2017 Isnin.** Kunjungan hormat oleh H.E. Haddzrat Mufti Albir R. Karganov (The Mufti of the Spiritual Assembly Muslims of Russia) dan H.E. Linar Yakupov (Advisor to The Prime Minister of Republic of Tatarstan) telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi tujuan menjalankan kerjasama dan bertukar pandangan mengenai pengurusan wakaf di Malaysia. Sesi kunjungan hormat ini turut disertai oleh Pengarah-pengarah Bahagian JAWHAR dan pegawai dari Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

Majlis dimulai dengan ucapan aluan oleh YBrs. Encik Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian Mufti Kerajaan Rusia dan Penasihat kepada Perdana Menteri Kerajaan Tatarstan berkunjung ke JAWHAR. Seterusnya YBrs. Ketua Pengarah JAWHAR menjelaskan objektif, peranan serta fungsi JAWHAR dalam bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan agensi-agensi lain untuk merencana pelbagai agenda dan program-program yang dapat membantu memperkembangkan lagi sosio ekonomi ummah khususnya dalam bidang-bidang teras seperti wakaf, zakat, mal dan haji/umrah. Beliau juga menekankan pentingnya institusi agama seperti JAWHAR untuk mewujudkan sinergi dalam melaksanakan peranannya. Sebagai contoh, penggembangan tenaga dengan dunia akademik atau badan korporat dalam melaksanakan sesuatu kajian ilmiah, usahasama dalam pembangunan tanah wakaf dan sebagainya, mampu menghasilkan natijah yang optimum.

Acara seterusnya disusuli dengan ucapan balas oleh H.E. Haddzrat Mufti Albir R. Karganov (The Mufti of the Spiritual Assembly Muslims of Russia). Beliau mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudiaan JAWHAR menerima kedatangan beliau dan amat berbesar hati kerana dapat mempelajari pelbagai perkara terutamanya bagaimana Malaysia membangunkan tanah-tanah wakaf. Beliau berharap agar jalinan ukhuwah dan kerjasama ini terus berpanjangan.

Dalam ucapannya juga, beliau mendapati bahawa institusi agama di Malaysia amat tersusun dari segi pentadbiran dan pelaksanaan yang sangat sistematik demi pembangunan ummah. Beliau juga berharap agar dapat menerapkan corak pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan yang dijalankan oleh institusi-institusi agama di Malaysia ke Rusia.



YBrs. Encik Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman memberi cenderahati sebagai kenangan kepada H.E. Linar Yakupov (Penasihat Perdana Menteri Tatarstan)



Sesi minum petang bersama tetamu yang hadir.

## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA KE JAWHAR

**Pada 5 April 2017 (Rabu)** Jam 9.30 pagi sehingga 11.30 pagi, Puan Hajah Nor Hayati bt L. Isa, Ketua Pengarah Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi tujuan bertukar pandangan berkaitan Wakaf Pendidikan dan praktisnya di Malaysia. Beliau turut diiringi oleh 2 orang pegawai iaitu Encik Najjah bin Opir (Ketua Unit Perhubungan dan Keurusetiaan) dan Puan Dr. Nur Hanani bt Hussin (Penolong Pengarah Unit Pendidikan Islam Rendah).



Para peserta memberi tumpuan dalam perbincangan



Potret kenangan JAWHAR bersama delegasi KPM

## BENGKEL PENYEDIAAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK JAWHAR 2017 – 2020

**Pada 23 hingga 26 April 2017** yang lalu, satu Bengkel Penyediaan Pembangunan Pelan Strategik JAWHAR 2017 – 2020 telah berlangsung di Pulau Langkawi, Kedah dengan disertai oleh seramai lapan belas (18) orang pegawai dan kakitangan JAWHAR. Bengkel yang dianjurkan oleh unit penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) turut disertai oleh Ketua Pengarah JAWHAR iaitu YBrs. Encik Ahmad Musadad Bin aji Sulaiman dan penceramah jemputan khas iaitu En Hassan Hafizi Bin Hanapi yang merupakan bekas pegawai di JAWHAR pada suatu ketika dahulu merupakan pegawai 'incharge' yang menyediakan dan menyelaras Pelan Strategik JAWHAR.

Bengkel yang diadakan selama 3 hari ini telah menggabungkan idea-idea yang bernes dan pandangan-pandangan yang mantap dari pelbagai lapisan warga JAWHAR yang hadir. Idea bengkel ini amat memberi manfaat kepada seluruh warga JAWHAR yang hadir kerana penyediaan pelan strategik ini akan dijadikan panduan kepada warga JAWHAR dalam memacu kejayaan untuk mencapai hasrat kerajaan ke arah wawasan 2020.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan bengkel telah dikendalikan oleh Pengarah BPKA, En Mohd Faizal bin Ab Hamid yang telah memberikan gambaran dan penerangan yang jelas tentang hala tuju JAWHAR. Semoga bengkel ini dapat membawa seluruh warga JAWHAR kearah kejayaan yang lebih membanggakan selaras dengan Perancangan Pelan Strategik yang telah dibangunkan.



Taklimat disampaikan oleh tetamu jemputan En Hassan Hafizi Bin Hanapi



Perbincangan kumpulan sedang dijalankan.



Penyampaian cenderahati JAWHAR kepada tetamu jemputan



Para peserta bengkel memberikan tumpuan ketika bengkel sedang dijalankan.



Rakaman gambar kenangan ahli bengkel bersama KP JAWHAR (tengah, duduk).

## BENGKEL SEMAKAN SEMULA MANUAL PENGURUSAN HARTA SYUBHAH

**Putrajaya, 25 April 2017 (Selasa) -**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Bengkel Semakan Semula Manual Pengurusan Harta Syubhah bertempat di Hotel Warisan Taiping, Perak yang berlangsung selama 3 hari. Peserta-peserta bengkel adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pakar-pakar daripada Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta urusetia JAWHAR.

Antara objektif utama bengkel ini ialah untuk menyemak semula Manual Pengurusan Harta Syubhah yang telah diterbitkan pada tahun 2009 bagi memasukkan input-input terkini mengikut kesesuaian perkembangan semasa khasnya. Draf Manual yang telah disemak serta ditambahbaik akan dicetak dan diedarkan kepada seluruh MAIN sebagai rujukan.

Pakar rujuk dan penceramah utama bagi bengkel ini ialah YBrs. Dr. Nurdin bin Ngadimon yang merupakan seorang pakar di bidang Fiqh Muamalat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Sesi perkongsian ilmu berkenaan pelaksanaan e-wasiat di Majlis Agama Islam Negeri Selangor(MAIS) juga turut disampaikan oleh Ustaz Mohammad Salleh bin Abdul Saha dari MAIS.

Pada penutupan bengkel, Pn. Hasanah binti Badrul Ketua Penolong Pengarah Bahagian Baitulmal JAWHAR mewakili KP JAWHAR melahirkan ucapan terima kasih kepada semua peserta yang menjayakan Bengkel Semakan Semula Pengurusan Harta Syubhah. Di dalam ucapan penutupnya, beliau berharap kerjasama erat JAWHAR dan MAIN akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.



Sesi perkongsian ilmu disampaikan oleh Ustaz Mohammad Salleh bin Abdul Saha dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).



Ceramah utama disampaikan oleh YBrs. Dr. Nurdin bin Ngadimon, pakar di bidang Fiqh Muamalat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)



Ahli bengkel merakamkan potret kenangan bersama penceramah dan tetamu jemputan.

## BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMENTASI MS ISO 9001:2015

**Langkawi, 26 April 2017 (Rabu)** - Bengkel Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015 anjuran Unit Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diadakan di Akademi Kastam DiRaja Malaysia (AKMAL) Cawangan Pulau Langkawi. Bengkel yang telah diadakan selama tiga (3) hari itu, telah dihari oleh seramai 30 orang yang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Jabatan.

Bengkel Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015 yang diadakan bertujuan untuk meminda dan menyediakan dokumentasi MS ISO bagi memantapkan tadbir urus dan pengurusan jabatan, memberi pemahaman dan penghayatan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti di kalangan warga JAWHAR. Bengkel ini juga dapat memberi latihan berterusan (setiap tahun) kepada Juruaudit Dalam MS ISO JAWHAR mengenai proses dokumentasi dan pelaporan sistem pengurusan kualiti JAWHAR yang berkesan.

Bengkel ini dikendalikan oleh Perunding ISO yang dilantik oleh JAWHAR iaitu YBrs. Encik Mohd Shazwan Ariff bin Mohamad Khasim yang meliputi isu-isu berkaitan Latar belakang pembangunan Standard ISO, Interpretasi dan Aplikasi Klausma Standard, Pengurusan Risiko, Proses Perancangan/Pelaksanaan mendapat pensijilan dan pengenalan kepada ISO yang baru iaitu MS ISO 9001:2015.



Perbincangan kumpulan sedang berjalan.

Penerangan yang disampaikan oleh YBrs. Encik Mohd Shazwan Ariff bin Mohamad Khasim kepada semua peserta.

## KOMUNAL 1.0: “WADAH DIBERDAYAKAN, MUAMALAH DIBUDAYAKAN DAN EKONOMI UMMAH DIBUDI-DAYAKAN”

**Tanggal 6-7 Mei 2017**, bertempat di MATRADE Kuala Lumpur, JAWHAR telah melakarkan satu sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya menganjurkan Konvensyen Mualamah Nasional (KOMUNAL 1.0) yang dirasmikan serentak dengan Majlis Konvokesyen ke 11, Institut Profesional Baitulmal (IPB), sebuah institut pengajian tinggi awam milik penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), oleh YB Menteri di JPM, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom. Acara tahunan pertama kali ini, dianjurkan bersama JAWHAR, IPB-MAIWP dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), bersempena dengan Sambutan Jubli Perak IPB-MAIWP. Di samping itu, penganjuran KOMUNAL 1.0 turut mendapat kerjasama daripada Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

KOMUNAL 1.0 turut menganjurkan “Kolokium Wakaf, Zakat & Haji Dalam Dimensi Muamalat” yang terbuka untuk semua yang hadir ke Konvokesyen IPB dan KOMUNAL 1.0. Pada kolokium ini, sepuluh (10) kertas kerja telah dibentangkan oleh para penceramah jemputan daripada pelbagai agensi agama di bawah naungan YB Menteri di JPM dan universiti awam. Ketua Pengarah JAWHAR, YBrs. Encik Ahmad Musadad bin Hj. Sulaiman, ketika menyampaikan Ucaptama Kolokium, mengharapkan menerusi kolokium tersebut, para pengajur, pembentang dan peserta dapat melakukan muhasabah dan penilaian terhadap sistem muamalat dalam Wakaf, Zakat dan Haji, tiga institusi tonggak yang sangat signifikan kepada kemajuan Umat Islam. Natijah daripadanya juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dalam membangunkan ekonomi Ummah sejagat.

“KOMUNAL” yang merupakan abreviasi daripada “KONVESYEN MUAMALAH NASIONAL”, berasal daripada perkataan Inggeris, “COMMUNAL” yang bermaksud, “perasaan atau sentimen bersama berdasarkan ikatan warisan kekeluargaan dan kemasyarakatan serta kepercayaan dan keyakinan kepada satu falsafah hidup”. Justeru, KOMUNAL 1.0 lahir atas kesedaran bahawa satu usaha yang bersepadan di antara para cendekiawan dan profesional institusi-institusi muamalah: pengurusan, ekonomi dan kewangan Islam peringkat nasional, perlu digembung bagi mencapai satu persefahaman dan persamaan wadah (platform) yang konstruktif lagi progresif bagi melonjakkan kemajuan Umat Islam. Secara langsung dan tidak langsung, ini dapat mengukuhkan lagi hubungan dan jalinan kerjasama antara mereka dan masyarakat terbanyak.

Di samping kolokium, KOMUNAL 1.0 turut menyediakan wadah mini karnival atau bazar untuk para usahawan menjual barang dan perkhidmatan kepada para pengunjungnya. Dalam hal ini, sebanyak 12 buah agensi dan institusi ternama daripada pelbagai latar belakang perniagaan dan perkhidmatan telah membuka kaunter booth sepanjang KOMUNAL 1.0 ini berlangsung. Menerusi aktiviti dan program yang telah dirancang dan diatur seperti mini karnival bazar (pasar atau mini mall) yang disertai oleh usahawan dan usahawati yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan. Semoga menerusi inisiatif KOMUNAL 1.0 yang kolektif ini, berpotensi untuk memberikan manfaat tijaari (business) dan manfaat ijtimai’ (society) kepada Ummah. Di samping itu, dapat menggembung model kerjasama global (global and local communal) untuk menggalakkan manfaat tersebut pada peringkat yang lebih tinggi, serta berupaya meningkatkan prospek Ekonomi dan Kewangan Islam untuk menyumbang ke arah memperoleh kestabilan ekonomi global dan perkongsian kemakmuran ekonomi dalam skala yang lebih besar.

# Berita 6



Ucaptama disampaikan oleh Ketua Pengarah JAWHAR, YBrs. Encik Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman



Bicara perkongsian ilmu oleh asnaf jemputan menjadi acara yang di nantikan oleh para tetamu.



Para peserta mengajukan soalan kepada penceramah



Sesi perkongsian ilmu disampaikan oleh penceramah jemputan bersama para pelajar Institut Profesional Baitumal (IPB)

## MEMBERDAYAKAN WADAH, MEMBUDAYAKAN MUAMALAH, MEMBUDI DAYAKAN EKONOMI UMMAH

\* Ucaptama Ketua Pengarah JAWHAR Sempena KOMUNAL 1.0

### MUKADIMAH

Sabtu tahun tatkala pembentangan Belanjawan Negara, kita sering diingatkan oleh YAB Menteri Kewangan supaya jangan alpa dalam kesenangan dan kemakmuran yang dinikmati. Sebaliknya, kita dianjurkan agar mengambil sikap kewaspadaan terhadap realiti ekonomi global yang sering bergulir mutakhir ini.

Peringatan beliau itu turut disandarkan kepada Firman ALLAH dalam Al Quran, yang diibrahkan daripada kisah Nabi Yusuf:

*"Kata Nabi Yusuf: Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun yang bersanggatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan".*

(Surah Yusuf: 47-48)

### MUAMALAH DALAM REALITI EKONOMI GLOBAL

Ekonomi global kini sedang menghadapi cabaran kemelesetan dan putaran kemakmuran yang luar biasa. Kerugian besar yang ditanggung masyarakat dunia berpunca daripada krisis ekonomi dan kewangan yang melanda baru-baru ini, telah membawa bencana kepada beberapa institusi kewangan antarabangsa antaranya kemeruduman yang ketara dalam aliran kewangan dan perdagangan termasuklah kejatuhan pasaran aset, kegagalan fungsi bank, kerapuhan kredit serta pengangguran yang meluas.

Walaupun pada hakikatnya, masyarakat dunia telah mencapai beberapa kejayaan besar namun masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan untuk menemukan keseimbangan di samping memastikan sistem kewangan kukuh dan terpelihara. Sekaligus dapat membenarkan institusi dan pasaran kewangan terus berfungsi memainkan peranan mereka yang sewajarnya.

Bagi mengurus krisis (managing the crisis) kesan kewangan terhadap ekonomi, beberapa langkah penting telah diambil oleh komuniti antarabangsa untuk melonjakkan inisiatif reformasi-islahi bagi mengukuhkan sistem kewangan global. Ini bertujuan untuk menjadikan asasnya lebih kukuh dan bersifat lebih inklusif. Dengan maksud lain, sistem urus tadbir atau governans (muamalah) dibangunkan menurut nilai pertumbuhan yang mampan. Sekaligus dapat menjamin kemakmuran untuk semua. Kini ekonomi global semakin pulih. Fokus dunia sekarang adalah kepada usaha untuk mencari solusi yang lebih bersifat tahan lama untuk menjamin keupayaan dan kemampuan ekonomi global yang

lebih kukuh mendepani sebarang bentuk krisis pada masa hadapan. Sementara komuniti kewangan dunia menghadapi satu situasi yang disebut sebagai tempoh penentuan, satu iktibar penting boleh diambil adalah untuk kita usahakan bersama dalam membangunkan sistem kewangan yang memiliki keupayaan dan daya tahan yang lebih baik. Selain itu, dapat menjamin kestabilan dasar dan pertumbuhan yang lebih makro serta makmur.

Dalam hal ini, sebagai muslim, kita punya pilihan dan kelebihan yang lebih fundamental. Ini kerana Ekonomi dan Kewangan Islam (EKI) tidak wujud secara terpisah daripada komponen sistem kewangan global. Sifat EKI yang memerankan fungsi dasar kehematan makro dan keluwesannya (its flexibility) dalam sistem semasa memberikannya kelebihan potensi untuknya berkembang dan melonjakkan kestabilan kewangan. Secara sunnatullah, keadaan berjaya menyerlahkan kerelevan EKI di persada ekonomi global dalam era pascakrisis.

Muamalah EKI ini, melalui penekanan terhadap pencapaian matlamat sosioekonomi berlandaskan matlamat Syariah, mempunyai disiplin untuk mempertingkat peluang bagi memperkuuh ekonomi global dan kestabilan kewangan yang menyeluruh. Yang jelas, sumbangan ekonomi dan kewangan Islam dalam mengembalikan asas kewangan yang menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan, sekaligus membawa bersamanya manfaat yang amat besar kepada ekonomi benar dan kesejahteraan hidup seluruh masyarakat - manfaat tijaari (business) dan manfaat ijtimai' (society).



## MESYUARAT AGONG PUSPANITA JAWHAR KALI PERTAMA PADA BULAN APRIL, 2017



## MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN PERDANA PUSPANITA JAWHAR JPM & KEBANGSAAN 2017



## CERAMAH PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM (PNI) SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1438H



## IFTAR BERSAMA ANAK-ANAK ASNAF DAERAH SEPANG, SELANGOR PADA 21 JUN 2017



## KURSUS PEMANTAPAN PENGENDALI UMRAH (USEC) DI KAMPUS INSTITUT PROFESIONAL BAITUMAL (CAWANGAN PUTRAJAYA) PADA 20 DAN 21 MEI 2017 (SABTU & AHAD)



## MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN JAWHAR SEMPENA BULAN RAMADHAN 1438H



## KUNJUNGAN HORMAT DATO DR ANWAR ALGHA DUTA PALESTIN KE JAWHAR PADA 16 JUN 2017



## KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) PADA 16 JUN 2017



## HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR 2017



APRIL

## HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR 2017



MEI

## HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR 2017



JWN

# Permata JAWHAR



Nama Anak : Nur Medina Safiyya Binti Shahru Imran  
Nama Ibu : Pn. Juliana Bt Senin  
Tarikh Lahir : 2 Jun 2017  
Berat : 3.13 kg



Nama Anak : Nur Aleesa Faiha Binti Mohd Fazri  
Nama Bapa : En. Mohd Fazri bin Zulkalnaini  
Tarikh Lahir : 5 Julai 2017  
Berat : 3.13 kg



*It's a girl!*



Nama Anak : A'isyah Madiahah Binti Mohd Zafri  
Nama Ibu : Noor Azura Binti Zainal  
Tarikh Lahir : 4 April 2017  
Berat : 2.67kg



Nama Anak : Nur Fatin Alisha Binti Zulkifli  
Nama Ibu : Pn. Rohaizah Binti Rojulan  
Tarikh Lahir : 24 MEI 2017  
Berat : 3.4 kg

## *Yang Datah Tumbuh Yang Hilang Berganti*

### Senarai Pegawai JAWHAR Yang Bertukar Keluar

NAMA	TARIKH KELUAR	KE JABATAN/ KEMENTERIAN
 Pn. Norlizah Binti Mainoordin	15 Mei 2017	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

### Senarai Pegawai JAWHAR Yang Bertukar Masuk

NAMA	TARIKH MASUK	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
 Encik Mohd Azgar Bin Mohd Tahir	20 Feb 2017	Unit Perancangan Ekonomi (EPU)
 Pn. Farahatun Binti Ahmad	15 Mei 2017	Mahkamah Kuala Lumpur

## Senarai Pegawai Praktikal JAWHAR Yang Melapor Masuk Bagi Tempoh Latihan Industri

NAMA	TARIKH MASUK	IPTA
 Encik Mohammad Ridzuan Bin Abd Rasid	26 April 2017	Institut Profesional Baitumal (IPB)

## Senarai Pegawai Praktikal JAWHAR Yang Telah Tamat Tempoh Bagi Tempoh Latihan Industri


NAMA	TARIKH KELUAR	IPTA
 Cik Noradibah Binti Ismail	09 Jun 2017	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
 Cik Nur Ayuni Izzati Binti Abd Halim	09 Jun 2017	Universiti Utara Malaysia (UUM)

# Info Penting JAWHAR

## NAMA

## TARIKH KELUAR

## IPTA



Cik Nor Hafizah Binti  
Mohd Mokhtaruddin

09 Jun 2017

Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM)



Encik Ahmad Fakhrusy  
Syakirin Bin Hashim

09 Jun 2017

Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM)



## **KADAR ZAKAT FITRAH MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2017M/1438H**

NEGERI	KADAR ZAKAT
PERLIS	RM 7.00
KEDAH	RM 7.00
PULAU PINANG	RM 7.00
PERAK	RM 7.00
SELANGOR	RM 7.00
WILAYAH PERSEKUTUAN	RM 7.00
NEGERI SEMBILAN	RM 6.50
MELAKA	RM 6.70
JOHOR	RM 7.00
PAHANG	RM 7.00
TERENGGANU	RM 7.00
KELANTAN	RM 7.00
SABAH	RM 7.00
SARAWAK	RM 7.00

## **ANALISIS HARGA PASARAN EMAS PENENTUAN NILAI NISAB ZAKAT BAGI BULAN MAC, APRIL DAN MEI 2017**

BIL.	PENGIRAAN
1.	<p>Analisis Harga Pasaran Emas Penentuan Nilai Nisab Zakat Bagi Bulan Jamadil Akhir 1438H/ Mac 2017</p> <p>i) Harga emas Bagi bulan Jamadil Akhir tahun Hijri 1438H</p> <p>Jumlah bagi harga harian (<math>RM3,682.81 \times 85</math> gram) ÷ 21 hari niaga = RM14,906.61</p> <p>ii) Harga emas bagi bulan Mac tahun Masihi 2017</p> <p>Jumlah bagi harga harian (<math>RM4,036.60 \times 85</math> gram) ÷ 23 hari niaga = RM14,917.87</p>
2.	<p>Analisis Harga Pasaran Emas Penentuan Nilai Nisab Zakat Bagi Bulan Rejab 1438H/ April 2017</p> <p>i) Harga emas Bagi bulan Rejab tahun Hijri 1438H</p> <p>Jumlah bagi harga harian (<math>RM3,951.92 \times 85</math> gram) ÷ 22 hari niaga = RM15,268.78</p> <p>ii) Harga emas bagi bulan April tahun Masihi 2017</p> <p>Jumlah bagi harga harian (<math>RM3,596.82 \times 85</math> gram) ÷ 20 hari niaga = RM15,286.48</p>
3.	<p>Analisis Harga Pasaran Emas Penentuan Nilai Nisab Zakat Bagi Bulan Sya'aban 1438H/ Mei 2017</p> <p>i) Harga emas Bagi bulan Sya'aban tahun Hijri 1438H</p> <p>Jumlah bagi harga harian (<math>RM3,281.44 \times 85</math> gram) ÷ 19 hari niaga = RM14,680.13</p> <p>ii) Harga emas bagi bulan Mei tahun Masihi 2017</p> <p>Jumlah bagi harga harian (<math>RM3,626.73 \times 85</math> gram) ÷ 21 hari niaga = RM14,679.62</p>

# Audit Pemantauan SIRIM

MS ISO 9001 : 2008 JAWHAR  
Pada 19 – 20 Jun 2017

